

KAJIAN HADIS-HADIS BERKAITAN BERSIN MENURUT SUNNAH NABI MUHAMMAD

STUDY OF HADITHS RELATED TO SNEEZING ACCORDING TO THE SUNNAH OF PROPHET MUHAMMAD

Muhammad Zuhdi Azman¹
Mohd Izzuddin Berzanji²
Muhammad Fahmy Ariffin³
Muhammad Akmalludin Mohd Hamdan⁴

¹Faculty Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.
(E-mail: zuhdiazman01@raudah.usim.edu.my)

²Faculty Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.
(E-mail: izzue_b@raudah.usim.edu.my)

³Faculty Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.
(E-mail: Fahmyar@raudah.usim.edu.my)

⁴Faculty Quranic and Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia.
(E-mail: akmalludin@.usim.edu.my)

Article history

Received date : 9-5-2024
Revised date : 15-5-2024
Accepted date : 27-6-2024
Published date : 31-7-2024

To cite this document:

Azman, M. Z., Berzanji, M. I., Ariffin, M. F., & Mohd Hamdan, M. A. (2024). Kajian hadis-hadis berkaitan bersin menurut sunnah Nabi Muhammad. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (64), 42 – 51.

Abstrak: Hadis mempunyai kedudukan yang tinggi iaitu sebagai salah satu sumber panduan bagi umat Islam. Untuk seseorang itu memahami gaya hidup serta sunnah-sunnahnya, mereka perlu merujuk pada hadis bagi mendapatkan penjelasan. Artikel ini ditulis bertujuan untuk mengenalkan sunnah-sunnah Nabi Muhammad dari hadis-hadis yang sahih, sepertimana yang dianjurkan Islam. Selain itu, kajian ini berfokus dalam mengkaji hadis-hadis yang khusus berkenaan bersin dari dua kitab utama di dalam bidang hadis iaitu Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Kajian ini dilakukan secara terperinci untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap hadis-hadis tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, di mana para pengkaji merujuk kepada kajian-kajian lepas seperti disertasi, artikel dan buku-buku yang berautoriti dalam mendapatkan pemahaman jelas terhadap hadis-hadis tersebut. Lapan hadis telah dipilih dari Sahih Bukhari dan Sahih Muslim dan dibahagikan mengikut subtopik yang berbeza. Kajian ini bukan saja disasarkan kepada pelajar-pelajar hadis malah masyarakat umum juga. Ia bertujuan bagi menyebarkan salah satu sunnah Nabi yang kadang dipandang remeh oleh sesetengah pihak. Oleh itu, kajian ini ingin bukan sahaja kepada pelajar Quran dan Sunnah malah untuk masyarakat umum, dengan harapan untuk membangunkan sunnah-sunnah yang warid dari Nabi Muhammad dan yang makin dilupakan.

Kata Kunci: Hadis, Sunnah, Bersin, Sahih Bukhari, Sahih Muslim

Abstract: *The Hadith holds a significant position as a source of guidance for Muslims. To comprehend the lifestyle of Prophet Muhammad, one must turn to the Hadith for elucidation. This article aims to shed light on the authentic Sunnah of Prophet Muhammad, as endorsed by Islam and esteemed scholars. Furthermore, it delves into the Hadith literature specifically addressing sneezing in two paramount collections, namely Sahih Bukhari and Sahih Muslim. The critical examination of these Hadiths is pivotal for a nuanced understanding. Employing a qualitative method, this article draws upon past literature such as dissertations, articles, and books to support its explanations. Eight selected Hadiths from the aforementioned collections are presented and analysed in distinct subtopics. This study's impact extends beyond Hadith students, reaching the broader public to impart insights into the Sunnah associated with sneezing. The seemingly trivial aspects of Sunnah, often disregarded by some, merit attention. Therefore, this research aims to illuminate not only Quran and Sunnah students but also diverse communities, fostering a better appreciation for these practices.*

Keywords: *Hadith, Sunnah, Sneeze, Sahih Bukhari, Sahih Muslim*

Pengenalan

Hadis merupakan salah satu sumber terpenting umat islam selepas al-Quran (Norsaleha Mohd Salleh 2020). Hadis disisi muhaddithin bermaksud setiap apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad daripada perkataan, perbuatan, taqrir (persetujuan), sifat khalqiyah, sifat khuliqiyah dan kehidupan Baginda samada sebelum perutusan menjadi rasul (Mushfique 2020). Hadis-hadis merangkumi semua aspek dalam kehidupan dan sentiasa boleh diamalkan setiap masa. Dalam membincangkan hal berkenaan hadis ini, ramai pengkaji telah menghasilkan kajian yang menumpukan fokus terhadap huraian makna hadis serta darjat hadis, supaya dapat dibezakan antara hadis yang boleh diamalkan atau hadis yang tidak boleh diamalkan.

Kini, masyarakat islam mula mengambil berat berkenaan sunnah Nabi Muhammad SAW kerana ia merupakan salah satu nilai tambah terhadap ibadah wajib. Nabi SAW juga pernah bersabda:

"...فَعَلَيْكُمْ بِمَا عَرَفْتُمْ مِنْ سُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، عَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ..."

Maksudnya: "Maka kalian wajib berpegang teguh dengan apa yang kalian ketahui daripada sunnahku, dan sunnah para Khulafa Rasyidin yang mendapat petunjuk, gigitlah sunnah-sunnah itu dengan gigi geraham." (Ibn Majah 2009). Melalui hadis ini, jelas difahami bahawa menjadi tuntutan buat umat islam untuk berpegang pada sunnah Nabi Muhammad SAW dengan erat. Disebabkan hal ini, ramai umat islam sudah mula dilihat mengamalkan sunnah, akan tetapi masalah timbul apabila mereka mengamalkan sunnah tanpa melihat pada status hadis tersebut serta hanya mengetahui beberapa sunnah sahaja akibat jarang dikhabarkan berkenaannya atau sebahagiannya dianggap tidak penting.

Pelbagai perkongsian berkenaan sunnah dan maklumat berkenaan islam disebarkan melalui media sosial seperti Facebook, Instagram dan Youtube. Namun, menjadi suatu kebimbangan apabila usaha ini tidak disulami dengan disiplin yang betul (Nur Sofya Azzahra 2023). Oleh kerana sikap masyarakat Muslim yang tergesa-gesa dan hanya menyebarkan sesuatu maklumat

tanpa membuat sebarang penyelidikan atau semakan, ia menyebabkan keadaan ini menjadi semakin parah dan merisaukan (Nik Suhaili Nik Fauzi 2022).

Terdapat beberapa permasalahan berkenaan sunnah ketika bersin yang boleh dibincangkan, antaranya isu berkenaan lafaz apakah yang paling tepat menurut sunnah untuk dilafazkan selepas bersin, atau lafaz ketika mendengar orang menyebut Alhamdulillah selepas bersin, yang disebut sebagai *tasymit* (تشميت), atau hukum yang terkait dengannya. Justeru, tujuan kajian ini adalah untuk menghuraikan berkenaan lafaz-lafaz tersebut serta hukum-hukum terkait daripada dua sumber hadis yang muktabar iaitu Sahih Bukhari dan Sahih Muslim.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai cara untuk memproses maklumat dan menganalisisnya. Kaedah pengumpulan data ini dapat membantu pengkaji mendapatkan bahan-bahan rujukan daripada jurnal, buku, artikel, dan laman sesawang. Seterusnya, kesemua hadis-hadis yang dibawa untuk membincangkan isu ini hanyalah dari dua sumber muktabar bagi hadis iaitu Sahih Bukhari dan Sahih Muslim dengan menggunakan karya syarahan hadis sebagai rujukan bagi membongkar makna hadis tersebut. Proses menganalisis data dijalankan secara tematik, di mana ia akan dibincangkan melalui subtopik tertentu. Akhir sekali, kesimpulan akan diterapkan pada hujung perbincangan bagi memaparkan lafaz yang tepat menurut sunnah serta hukum yang terkait dengan bersin.

Sorotan Kajian Lepas

Hadis muncul daripada perkataan arab iaitu ‘Hadith’ yang membawa maksud cerita, khabar atau perbualan (AlShahari 2011). Hadith mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi agama Islam disebabkan ia merupakan sumber kedua bagi umat Islam. Rasulullah telah memberi wasiat untuk berpegang teguh dengan dua sumber penting iaitu Al-Quran dan Al-Hadis, supaya sentiasa berada pada jalan yang benar. Nabi SAW bersabda dalam hadisnya yang bermaksud “Aku telah tinggalkan untuk kalian dua perkara. Kalian tidak akan sesekali sesat selama mana kalian berpegang teguh pada kedua-duanya: iaitu Kitabullah (Al-Quran) dan Sunnah Nabi SAW (Hasim 2023).”

Berdasarkan kepada beberapa kajian lepas oleh pengkaji berkenaan tajuk ‘Sunnah Ketika Bersin’ ini, dapat dilihat bahawa terdapat beberapa kajian yang dijumpai tampak mirip seperti kajian yang ingin dikaji pengkaji, akan tetapi sebenarnya terdapat banyak perbezaan yang ditemui setelah dibaca dan diteliti. Antaranya kajian oleh Ulin Nuhana Ahsan (2019), bertajuk ‘Hadis-Hadis Tentang Anjuran Tahmid Setelah Bersin dan Mendoakan Orang Yang Bersin’. Kajian ini berfokus hanya pada memperjelaskan masalah berkenaan maksud membaca tahmid selepas bersin serta mendoakan orang yang bersin. Kajian ini juga dijalankan secara kualitatif dimana pengkaji bagi tesis ini hanya menghasilkan kajian berdasarkan buku-buku serta sumber penulisan sama ada daripada ulama silam yang lepas atau kajian-kajian lepas. Justeru, kajian ini hanya menumpukan fokus terhadap satu jenis hadis berkenaan bersin sahaja iaitu hadis yang menerangkan berkenaan bacaan tahmid serta mendoakan orang yang bersin.

Selain itu, terdapat juga kajian lain yang dilakukan oleh Hani Hilyati Ubaidah (2023), berjudul ‘Kajian Hadis Tematik Seputar Bersin: Perspektif Ilmu Medis’. Kajian ini hanya menumpukan berkenaan anjuran mengucap syukur iaitu tahmid selepas bersin, dan menceritakan adabnya serta manfaat dari segi kesihatan. Kajian kualitatif yang dilakukan oleh pengkaji ini telah dijalankan, dan hanya memilih hadis daripada kutub tis’ah sahaja. Dapat disimpulkan bahawa

kajian ini menumpukan aspek perubatan, lantas kurang memberi fokus pada bahagian pemahaman hadis serta maksud-maksud hadis.

Hasil Dapatan

1. Hadis-Hadis Berkaitan Bersin

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: عَطَسَ رَجُلَانِ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَشَمَّتْ أَحَدَهُمَا وَمَ يَشَمَّتِ الْآخَرَ، فَقِيلَ لَهُ، فَقَالَ: هَذَا حَمْدُ اللَّهِ، وَهَذَا لَمْ يَحْمَدِ اللَّهَ. (رواه البخاري/6225 & 6221).

Daripada Anas bin Malik: Dua lelaki bersin di hadapan Nabi, lalu beliau mendoakan yang satu dan membiarkan yang lain, maka ditanyakan kepada beliau, beliau menjawab: Orang ini memuji Allah, (maka aku mendoakannya) dan yang ini tidak memuji Allah (Sahih Bukhari: 6221 & 6225).

عَنِ الْبَرَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: «أَمَرَنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِسَبْعٍ وَهَمَانَا عَنْ سَبْعٍ: أَمْرَنَا بِعِيَادَةِ الْمَرِيضِ، وَاتِّبَاعِ الْجِنَازَةِ، وَتَشْمِيتِ الْعَاطِسِ، وَإِجَابَةِ الدَّاعِي، وَرَدِّ السَّلَامِ، وَنَصْرِ الْمَظْلُومِ، وَإِبْرَارِ الْمُقْسِمِ، وَهَمَانَا عَنْ سَبْعٍ: عَنْ خَاتَمِ الذَّهَبِ، أَوْ قَالَ حَلَقَةِ الذَّهَبِ، وَعَنْ لُبْسِ الْحَرِيرِ، وَالذَّبِيحِ، وَالسُّنْدُسِ، وَالْمِيَاثِرِ. (رواه البخاري/6222).

Daripada al-Barra' radiallahu 'anhu berkata: Nabi Muhammad memerintahkan kami tujuh perkara dan melarang tujuh perkara: Beliau memerintahkan kami menjenguk orang sakit, mengiringi jenazah, mendoakan orang bersin, memenuhi undangan, menjawab salam dan menolong orang yang terzalimi serta melaksanakan sumpah. Dan beliau melarang tujuh perkara: Memakai cincin emas, atau bersabda rantai emas, memakai sutera, dan dibaj (sejenis sutera), dan sundus (kain yang dibuat dari sutera), dan mayasir (penutup kepala yang dibuat dari sutera) (Sahih Bukhari: 6222).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْعُطَّاسَ وَيَكْرَهُ التَّثَاؤُبَ، فَإِذَا عَطَسَ فَحَمِدَ اللَّهَ فَحَقُّ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ سَمْعَهُ أَنْ يُشَمَّتَهُ، وَأَمَّا التَّثَاؤُبُ فَإِنَّمَا هُوَ مِنَ الشَّيْطَانِ، فَلْيُرَدُّ مَا اسْتَطَاعَ، فَإِذَا قَالَ: هَا، ضَحِكَ مِنْهُ الشَّيْطَانُ. (رواه البخاري/6223).

Daripada Abi Hurairah dari Nabi Muhammad bersabda: Sesungguhnya Allah menyukai bersin, dan membenci menguap, apabila salah seorang dari kalian bersin, hendaklah ia memuji Allah, dan kewajiban seorang muslim yang mendengarnya

untuk mendoakan, sedangkan menguap daripada syaitan, hendaklah ia menahan semampunya, jika ia sampai menguncapkan 'haa', maka syaitan akan tertawa kerananya (Sahih Bukhari: 6223).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا عَطَسَ أَحَدُكُمْ فَلْيَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلْيَقُلْ لَهُ أَحْوَهُ أَوْ صَاحِبُهُ: يَرْحَمُكَ اللَّهُ، فَإِذَا قَالَ لَهُ: يَرْحَمُكَ اللَّهُ، فَلْيَقُلْ: يَهْدِيكُمْ اللَّهُ وَيُصَلِّحُ بِأَلْسِنَتِكُمْ. (رواه البخاري/6224)

Daripada Abu Huraira: daripada Nabi berkata: Apabila salah seorang daripada kamu bersin, maka hendaklah ia menuebut Alhamdulillah. Dan menjawab bagi saudara atau sahabatnya Yarhamkallah. Maka apabila seseorang menyebut kepadanya (orang yang bersin) Yarhamkallah maka hendaklah menyebut Yahdikumullah wa Yuslih Baalakum (Sahih Bukhari: 6224).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: حَمْسٌ تَجِبُ لِلْمُسْلِمِ عَلَى أَخِيهِ: رُدُّ السَّلَامِ، وَتَشْمِيتُ الْعَاطِسِ، وَإِجَابَةُ الدَّعْوَةِ، وَعِيَادَةُ الْمَرِيضِ، وَاتِّبَاعُ الْجَنَائِزِ. (رواه مسلم/2162).

Daripada Abu Hurairah, Rasulullah bersabda: Lima hak seorang Muslim atas saudaranya: menjawab salam, mengucapkan Yarhamukallah ketika ada yang bersin dan memenuhi undangan, dan menziarahi orang sakit. dan menghadiri pengebumian (Sahih Muslim: 2162-a).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: حَقُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ سِتٌّ. قِيلَ: مَا هُنَّ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: إِذَا لَقَيْتَهُ فَسَلِّمْ عَلَيْهِ، وَإِذَا دَعَاكَ فَأَجِبْهُ، وَإِذَا اسْتَنْصَحَكَ فَانصَحْ لَهُ، وَإِذَا عَطَسَ فَحَمِدِ اللَّهَ فَسَمِّتْهُ، وَإِذَا مَرِضَ فَعُدَّهُ، وَإِذَا مَاتَ فَاتَّبِعْهُ. (رواه مسلم/2162).

Daripada Abu Huraira, sesungguhnya Rasulullah bersabda: hak Muslim keatas Muslim enam. Berkata dia: Apakah itu wahai Rasulullah? Berkata Nabi: Apabila berjumpa dia maka ucapkanlah salam, dan apabila dia mangajak kamu maka penuhilah ia, dan apabila dia meminta nasihat maka berilah kepada dia, dan apabila dia bersin dan mengucapkan Alhamdulillah maka jawablah Yarhamkallah, dan bila dia sakit maka ziarahilah dia, dan apabila dia meninggal maka ikutlah ke kubur(Sahih Muslim: 2162-b).

عَنْ أَبِي بُرْدَةَ قَالَ: دَخَلْتُ عَلَى أَبِي مُوسَى وَهُوَ فِي بَيْتِ بِنْتِ الْفَضْلِ بْنِ عَبَّاسٍ، فَعَطَسْتُ فَلَمْ يُشَمِّنِي، وَعَطَسْتُ فَشَمَّتْهَا، فَرَجَعْتُ إِلَى أُمِّي فَأَخْبَرْتُهَا، فَلَمَّا جَاءَهَا قَالَتْ: عَطَسَ عِنْدَكَ ابْنِي فَلَمْ تُشَمِّنْهُ، وَعَطَسْتُ فَشَمَّتْهَا؟ فَقَالَ: إِنَّ ابْنِكَ عَطَسَ فَلَمْ يَحْمِدِ اللَّهَ فَلَمْ أُشَمِّنْهُ، وَعَطَسْتُ

فَحَمِدَتِ اللّٰهَ فَشَمَّتُهَا. سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ: اِذَا عَطَسَ اَحَدُكُمْ فَحَمِدَ اللّٰهَ فَشَمَّتُوْهُ، فَاِنْ لَمْ يَحْمِدِ اللّٰهَ فَلَا تُشَمَّتُوْهُ. (رواه مسلم/2992).

Daripada Abi Burdah berkata: Aku menziarahi Abu Musa, kerana dia berada di rumah anak perempuan Fadl b. 'Abbas. Saya bersin tetapi dia tidak menjawabnya (dengan berkata): Semoga Allah merahmati kamu. Kemudian dia bersin dan dia (Fadl b. 'Abbas) berkata: Semoga Allah merahmati kamu. Aku kembali kepada ibuku dan memberitahunya tentang hal itu, dan apabila dia datang kepadanya dia berkata: Anakku bersin di hadapanmu dan kamu tidak berkata: "Semoga Allah merahmatimu, lalu dia bersin dan kamu berkata untuknya: "Semoga Allah merahmatimu." Kemudian dia berkata: Anakmu bersin tetapi dia tidak memuji Allah dan aku tidak memohon rahmat Allah untuknya dan dia bersin dan dia memuji Allah, lalu aku berkata: Semoga Allah merahmatimu, sebagaimana saya mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: Apabila salah seorang di antara kamu bersin hendaklah dia memuji Allah dan yang lain hendaklah mengucapkan: Semoga Allah merahmati kamu, dan jika dia tidak memuji Allah, tidak perlu dimohonkan belas kasihan untuknya (Sahih Muslim: 2992).

أَنَّ سَلْمَةَ بِنَ عَمْرٍو حَدَّثَتْهُ: أَنَّهَا سَمِعَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَطَسَ رَجُلٌ عِنْدَهُ فَقَالَ لَهُ: يَرْحَمُكَ اللّٰهُ. ثُمَّ عَطَسَ أُخْرَى فَقَالَ لَهُ رَسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الرَّجُلُ مَرْكُوْمٌ. (رواه مسلم/2993).

Daripada Salmah bin Amru menyebut: Sesungguhnya aku mendengar daripada Nabi Muhammad seseorang bersin di hadapannya dan dia berkata kepadanya: Semoga Allah merahmatimu. Dan dia kemudian bersin untuk kedua kalinya dan Rasulullah berkata kepadanya: Lelaki itu selesema (Sahih Muslim: 2993).

2. Fiqh Hadis

I. Lafaz Serta Hukum Bagi Muslim Yang Bersin

Bersepakat fuqaha dalam menyatakan bahawa jika seseorang muslim itu bersin perlu mengucap lafaz 'Alhamdulillah' (الحمد لله), dan jika seseorang muslim itu bersin dan tidak pula menyebut lafaz 'Alhamdulillah' itu tadi maka tiada dosa baginya (Ali n.d.). Ini berdasarkan oleh beberapa sabda Nabi, antaranya ialah:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ كَثِيْرٍ: حَدَّثَنَا سُفْيَانُ: حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ قَالَ: عَطَسَ رَجُلَانِ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَشَمَّتَ أَحَدُهُمَا وَلَمْ يُشَمِّتِ الْآخَرَ، فَقِيلَ لَهُ، فَقَالَ: هَذَا حَمْدُ اللّٰهِ، وَهَذَا لَمْ يَحْمِدِ اللّٰهَ¹.

¹ Bukhari. (2011). Sahih Bukhari. Mesir: al-Kubro al-Amiriah, j. 8 h. 49 n. 6221 & h.50 n. 6225.

Diriwayatkan oleh Anas bin Malik: Dua lelaki bersin di hadapan Nabi. Nabi berkata kepada salah seorang dari mereka, "Semoga Allah mengurniakan rahmat-Nya kepada kamu, "tetapi dia tidak mengatakannya kepada yang lain. Ketika ditanya (mengapa), Nabi, "Yang satu itu memuji Allah (ketika bersin), sementara yang lain tidak memuji Allah.

Syeikh Yusuf al-Qaradawi (n.d.), dalam fatwanya berkata bahawa disyariatkan untuk menyebut lafaz ‘Alhamdulillah’ atau ‘Alhamdulillah ‘ala kulli hal’ (الحمد لله على كل حال) atau ‘Alhamdulillah Rab al-‘Alamin’ (الحمد لله رب العالمين) dan menyatakan sunnah seperti pandangan Imam Nawawi. Ini jelas bahawa apabila seseorang muslim itu bersin salah satu adab serta sunnah ketika bersin ialah membaca tamhid.

Manakala jika muslim itu lupa untuk menyebut tahmid selepas bersin, maka disini terdapat dua pandangan. Pandangan pertama, Imam Nawawi (2010) ialah dengan mengingatkan muslim tadi untuk menyebut tahmid. Pandangan kedua pula Ibn A’rabi ialah tidak perlu mengingatkan kepada muslim tadi, kerana mereka berpandukan pada sabda nabi:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ كَثِيرٍ: حَدَّثَنَا سُفْيَانُ: حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ:
عَطَسَ رَجُلَانِ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَشَمَّتْ أَحَدَهُمَا وَمَ يُشَمَّتِ الْآخَرَ، فَقِيلَ لَهُ،
فَقَالَ: هَذَا حَمْدَ اللَّهِ، وَهَذَا لَمْ يَحْمَدِ اللَّهَ.²

Diriwayatkan oleh Anas bin Malik: Dua lelaki bersin di hadapan Nabi. Nabi berkata kepada salah seorang dari mereka, "Semoga Allah mengurniakan rahmat-Nya kepada kamu, "tetapi dia tidak mengatakannya kepada yang lain. Ketika ditanya (mengapa), Nabi, "Yang satu itu memuji Allah (ketika bersin), sementara yang lain tidak memuji Allah.

II. Lafaz Serta Hukum Tasymit

Apabila seseorang muslim mendengar saudaranya bersin dan bertahmid, maka yang mendengar itu perlulah mengucapkan kalimah tasymit ‘Yarhamkallah’ (يرحمك الله) iaitu mendoakan kepada sahabat yang bersin itu dengan doa kebaikan ke atasnya (Fathi 2020). Terdapat perbezaan pandangan bagi hukum tasymit ini, jadual 1 memaparkan pendapat-pendapat ulama silam terhadap hukum tasymit ini:

Jadual 1: Hukum Tasymit (Ali n.d.)

Bil	Nama Ulama	Hukum	Sebab
1	Imam Abu Hanifah, Ibn Rusyd, Ibn al-‘Arabi dari mazhab maliki dan jumhur mazhab Hanbali	Fardu Kifayah	Hadis yang menceritakan berkenaan hak-hak muslim itu jelas secara zahir, bahawa tasymit merupakan hak bagi muslim yang lain jika dia mendengar tahmid dari muslim yang bersin itu.

² Bukhari. (2011). Sahih Bukhari. Mesir: al-Kubro al-Amiriah, j. 8 h. 49 n. 6221 & h.50 n. 6225.

2	Sebahagian ilmuwan mazhab Maliki, mazhab Syafi'i, dan mazhab Imamiah	Sunat	Hadis sebelum ini iaitu hadis berkenaan hak muslim itu tadi menunjukkan perintah sunat menyebut tasymit.
3	Sebahagian ilmuwan mazhab Maliki, mazhab Zohiri dan pandangan Ibn Qayyim	Wajib	Hadis yang sama dijadikan hujah dan menyatakan perintah yang terdapat dalam hadis itu secara zahir menunjukkan perintah wajib

III. Lafaz Serta Hukum Membalas Tasymit Muslim Yang Bersin

Sunat bagi muslim yang bersin tadi membalas jika mendengar orang lain bertasymit, iaitu dengan lafaz 'Yahdikumullah wa yuslih ballakum' (يَهْدِيكُمُ اللَّهُ وَيُصْلِحُ بَالِكُمْ). Ini berdasarkan dari hadis Nabi Muhammad iaitu:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا عَطَسَ أَحَدُكُمْ فَلْيَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلْيَقُلْ لَهُ أَخُوهُ أَوْ صَاحِبُهُ: يَرْحَمُكَ اللَّهُ، فَإِذَا قَالَ لَهُ: يَرْحَمُكَ اللَّهُ، فَلْيَقُلْ: يَهْدِيكُمُ اللَّهُ وَيُصْلِحُ بَالِكُمْ.

Diriwayatkan oleh Abu Huraira: daripada Nabi berkata, "Jika ada di antara kamu yang bersin, dia harus mengucapkan Alhamdulillah (Segala puji bagi Allah) dan saudara (Muslim) atau sahabatnya harus mengatakan kepadanya, Yarhamkallah (Semoga Allah mengurniakan rahmat-Nya kepada kamu). Ketika yang terakhir mengatakan Yarhamkallah, yang pertama harus berkata, Yahdikumullah wa Yuslih balakum (Semoga Allah memberi anda petunjuk dan memperbaiki keadaan anda)

Ini merupakan sunnah yang dituntut untuk dilakukan dan tidak wajib atas muslim itu untuk membalas tasymit tersebut. Ia juga satu penghormatan apabila saling mendoakan sesama muslim (Ubaidah 2023). Sepertimana firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 86:

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا³

Terjemahan: Apabila kamu diberi penghormatan dengan satu penghormatan, maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah penghormatan itu (dengan yang serupa). Sesungguhnya Allah memperhitungkan segala sesuatu.

³ Al-Nisa: 86

IV. Bersin Berulang Kali

Terdapat hadis Nabi yang menceritakan berkenaan seorang pemuda yang bersin berulang-ulang kali. Hadis yang diriwayatkan oleh Salmah bin Amru, daripada Nabi Muhammad bersabda:

أَنَّ سَلْمَةَ بْنَ عَمْرٍو حَدَّثَهُ: أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَطَسَ رَجُلٌ عِنْدَهُ فَقَالَ لَهُ: يَرْحَمُكَ اللَّهُ. ثُمَّ عَطَسَ أُخْرَى فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الرَّجُلُ مَرْكُومٌ⁴.

Seseorang bersin di hadapannya dan dia berkata kepadanya: Semoga Allah merahmatimu. Dan dia kemudian bersin untuk kedua kalinya dan Rasulullah berkata kepadanya: Lelaki itu selsema.

Ibn Daqiq al-A'id menyebut daripada sebahagian ulama Syafi'i menyatakan bahawa kalimah tasymit diulangi apabila seseorang itu berulang kali bersin, tetapi jika diketahui bahawa dia menghidap selsema maka yang terbaik ialah mendoakan kesembuhan kepadanya (Fathi 2020).

Kesimpulan

Berdasarkan semua perbincangan di atas, maka dapat disimpulkan di sini bahawa bersin merupakan salah satu nikmat yang Allah berikan kepada makhluknya serta Nabi telah datang untuk mengajar adab serta sunnah yang perlu dilakukan ketika bersin. Secara ringkasnya bagi mereka yang bersin disarankan melakukan perkara berikut:

- Jika seseorang itu bersin, maka hendaklah mengucapkan tahmid.
- Jika seseorang itu mendengar orang yang bersin itu bertahmid, maka hendaklah menjawab 'Yarhamkallah'.
- Seterusnya orang yang bersin itu sunat membalas 'Yahdikumullah wa yuslih ballakum'.
- Jika seseorang itu bersin berulang-ulang kali, maka doakanlah kesembuhan keatasnya.
- Hukum tasymit merupakan sunat disisi mazhab al-Syafi'i.

⁴ Muslim. (2021). Sahih Muslim. Turkiye: Dar al-Matba'ah al- 'Amirah. j.8 h.225 n.2993

Rujukan

- Ahsan, Ulin Nuhana. (2019). Hadis-Hadis Tentang Anjuran Membaca Tahmid Setelah Bersin Dan Mendoakan Orang Yang Bersin. Universitas Islam Negeri Sunan Yogyakarta, Indonesia.
- Ali, Ghasan Salman. (n.d). Tasymit al-A'tis wa-ahkamuhu, 165-187.
- Al-Qaradawi. (n.d). Tasymit al-A'tis hukumu wa-hikmatuhu. Mauqi' Samajati al-Syeikh Yusus al-Qaradawi. <https://www.al-qaradawi.net/node/4107>.
- Al-Shahari. (2011). *A Critical Study of Western Views on Hadith with Special Reference to The Views of James Robson and John Burton*. University of Birmingham, United Kingdom.
- Bukhari.. (2011). Sahih Bukhari. Tahqiq: Jami'ah min al-Ulama. Mesir: Tob'ah al-Kubro al-Amiriah.
- Fathi, Muhammad. (2020). *Al-Kafi #1683: Adab-Adab Ketika Bersin*. Al-Kahfi li al-Fatawi. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4382-al-kafi-1683-adab-adab-ketika-bersin>.
- Hasin, H. . (2023). Kempen 'Semak Ḥadīth Sebelum Sebar' Antara Tradisi Ahli Ḥadīth Dan Dakyah 'Wahabi': The Campaign 'Check the Ḥadīth Before Spreading': Between the Tradition of Ḥadīth Scholars and 'Wahabi' Propaganda. *Journal Of Hadith Studies*, 8(2), 34-45. <https://doi.org/10.33102/johs.v8i2.243>.
- Ibnu Majah. (2009). Sunan Ibnu Majah. Mesir, Dar al-Risalah al-Ilmiah.
- Mushfique, Muhammad. (2020). Irsyad Al-Hadith Siri Ke-503: Pembahagian Perbuatan Nabi Saw. Irsyad al-Hadith. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/4530-irsyad-al-hadith-siri-ke-503-pembahagian-perbuatan-nabi-saw>.
- Muslim. (2012). Sahih Muslim. Turkiye. Dar al-Tab'ah al-A'mirah.
- Nawawi, Imam. (2010). Majmu' Syarah Muhazzab.Qaherah. Matba'ah al-Tadmin al-Ukhawi.
- Nik Suhaili, Mesbahul Hoque & Kathaur. (2022). *Preading Hadith Maudhu' Via Information And Communication Technology: Reasons And Suggestions*. *Journal of Hadith Studies* 7(1). 160-167. <https://journalofhadith.usim.edu.my/index.php/johs/article/view/189>.
- Mohd. Salleh, N., Usman, A. H., Wazir, R., Hj Shamsu, L. S., & Burhanuddin, N. A. (2020). Living Sunnah Menurut Fazlur Rahman: Satu Sorotan Literatur Secara Sistematik: Living Sunnah According to Fazlur Rahman: A Systematic Literature Review. *AL-BURHĀN: JOURNAL OF QUR'ĀN AND SUNNAH STUDIES*, 4(1), 127-141. <https://doi.org/10.31436/alburhn.v4i1.168>.
- Rosli, N. S. A. B. ., Amran, N. N. ., & Zilmee Syahrnizan, N. A. A. B. . (2023). Amalan Sujud Mencium Kaki Guru Tarekat: Penghormatan Atau Keterlampauan Agama: Practice of Prostrating and Kissing the Feet of the Tariqa Guru: A Respect or an Excessive Religious Act. *Journal Of Hadith Studies*, 8(2), 48-65. <https://doi.org/10.33102/johs.v8i2.261>.
- Ahsan, Ulin Nuhana. (2019). Hadis-Hadis Tentang Anjuran Membaca Tahmid Setelah Bersin Dan Mendoakan Orang Yang Bersin. Universitas Islam Negeri Sunan Yogyakarta, Indonesia.